

SoilProp tingkatkan produktiviti tanaman

KUALA LUMPUR 22 Julai - Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membangunkan satu sistem pembajaan berteknologi tinggi yang diberi nama *Soil Properties Mapping Sistem* (SoilProp) yang membantu meningkatkan produktiviti tanaman para petani.

Teknologi tersebut dibangunkan bagi membantu para petani terutama pengusaha padi dalam membekalkan nutrien dalam kuantiti yang cukup dan tepat semasa kerja-kerja pembajaan dilakukan.

Tiga orang penyelidik yang terlibat dalam projek tersebut ialah pensyarah di Fakulti Kejuruteraan UPM.

Ketua penyelidik, Ezrin Mohd. Husin berkata, sistem tersebut disepadukan dengan penderia tanah, sistem pengesan global (GPS), komputer tahan lasak dan perisian bagi mengenal pasti ciri-ciri dan tahap kesuburan tanah juga mesra alam.

Dua lagi penyelidik terlibat ialah Prof. Ir. Dr. Mohd. Amin Mohd. Soom dan Dr. Aimrun Wayayok

Menurut Ezrin, SoilProp terbukti mampu membantu petani dalam meningkatkan hasil pertanian mereka sehingga 26 peratus selain dapat menjimatkan kos pembajaan sehingga 50 peratus.

“Sistem ini berupaya memberikan maklumat secara tepat kepada pengguna tentang tahap kesuburan tanah dan kandungan nutriennya seperti

nitrogen, fosforus dan potasium yang merupakan elemen utama keperluan tumbuhan.

“Maklumat-maklumat berkaitan tanah ini akan dipetakan dalam skrin komputer berdasarkan kepada kedudukan sebenar kawasan yang diceraf,” katanya dalam sidang akhbar mengumumkan sistem berkenaan di kampus UPM Serdang dekat sini hari ini.

Mengulas lanjut, Ezrin berkata, sistem tersebut beroperasi dengan menggunakan jentera seperti traktor yang bergerak dalam kawasan pertanian sambil menarik penderia tanah untuk menceraf kadar produktiviti elektrik tanah.

Data tersebut jelasnya, akan direkodkan oleh GPS dan akan dihantar kepada platform pengumpulan data sebelum dihantar ke komputer riba tahan lasak untuk diproses oleh perisian SoilProp bagi menghasilkan maklumat berhubung nutrien tanah dalam bentuk peta.

Menurutnya, SoilProp boleh digunakan dalam semua industri pertanian termasuk padi, kelapa sawit mahupun getah yang mempunyai keluasan kawasan tanaman luas.

“Sistem ini dianggarkan berharga RM350,000 hingga RM450,000 bergantung kepada perubahan mata wang asing kerana kebanyakan alat yang digunakan diimport sepenuhnya dari negara luar,” katanya.



DARI kiri, Dr. Mohd. Amin Mohd. Soom, Ezrin Mohd. Husin dan Dr. Aimrun Wayayok menunjukkan pingat emas yang mereka peroleh atas kejayaan mencipta Soilprop (*Soil Properties Mapping Sistem*) dalam sidang akhbar di UPM, Serdang, Selangor, semalam.

- UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED